

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November, 1990

ATP 203 - Perlakuan Organisasi

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat bercetak mengandungi TUJUH soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. Semua jawapan hendaklah diberikan dalam Bahasa Malaysia.

1. "Perlakuan Organisasi ialah satu pengajian dan kaedah perlaksanaan pengetahuan tentang bagaimana manusia bertindak dalam sesebuah organisasi".

Terangkan kenyataan diatas dan nyatakan enam konsep asas Perlakuan Organisasi.

[20 markah]

2. (a) "Bincangkan tentang kepuasan kerja (job satisfaction) dan kepentingannya.

(b) Apakah pandangan anda mengenai perkaitan diantara prestasi pekerja dan kepuasan? Berikan contoh-contoh.

[20 markah]

3. (a) Mengapakah tanggapan (perception) itu penting didalam pengajian Perlakuan Organisasi?

(b) Bincangkan faktor-faktor yang beroperasi membentuk dan kadangkala merubah sesuatu tanggapan.

[20 markah]

...2/-

4. Bincangkan perkaitan diantara tiga konsep ini; teori X dan teori Y, strategi resolusi konflik dan posisi hidup (life positions).

[20 markah]

5. (a) Mengapakah faktor kepimpinan itu dianggap penting didalam kejayaan sesuatu organisasi?
(b) Bincangkan pendekatan situasi terhadap kepimpinan.

[20 markah]

6. "Kita sepatutnya menentang manipulasi terhadap individu-individu untuk kepentingan organisasi, tetapi dengan penyeragaman nilai-nilai sosial ini membolehkan organisasi bekerja dengan lebih baik".
Adakah anda bersetuju dengan kenyataan tersebut mengenai budaya organisasi? Berikan hujah-hujah anda.

[20 markah]

7. Tuliskan secara ringkas mengenai perkara-perkara berikut:-
(a) Rintangan-rintangan terhadap keberkesanan komunikasi
(b) Asas-asas dan sumber kuasa (power)
(c) Kumpulan formal dan tidak formal

----oooo000oooo---